

01 DEC 1996

DR MAHATHIR PERKENAL KERETA SPORT MALAYSIA YANG PERTAMA

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penggerak utama pembangunan industri automatif negara, hari ini memperkenalkan secara rasmi kereta sport yang pertama dihasilkan oleh rakyat Malaysia -- Delfino IQ 140 -- pada Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (Limos '96), di sini.

Kereta itu, yang dimiliki dan dibiayai oleh Arni (M) Sdn Bhd, menggunakan enjin Itali.

Kereta Delfino IQ 140, yang beratnya hanya 750 kg, mempunyai kelajuan maksimum 200 km sejam.

Kuasa pecutannya ialah 0-60 batu sejam dalam masa 6.5 saat.

Selain Delfino (atau ikan lumba-lumba dalam bahasa Itali), Perdana Menteri juga memperkenalkan model kereta Mercedes Benz SLK selain Rover 200 dan motosikal Moto Guzzi sebelum melancarkan jip pacuan empat roda Hummer dan kereta Porsche Boxter. -- BERNAMA

MFJ AKD